


BUKU PANDUAN PERKHIDMATAN MAKMAL HEMATOLOGI HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA Edisi 2025

Kemaskini: 1 Ogos 2025
Tarikh Kuatkuasa: 1 September 2025



haematology.kk.usm.my

Muka surat ini dibiarkan kosong

SENARAI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	1
HAKCIPTA	4
NOMBOR PENDAFTARAN	4
JAWATANKUASA PENERBITAN	5
KATA ALUAN	6
PENGENALAN	7
MISI & VISI	8
FUNGSI	8
MAKMAL PERUBATAN DIAGNOSTIK	8
AKADEMIK	9
PENYELIDIKAN	9
KUALITI	10
POLISI KUALITI MS ISO 15189	10
OBJEKTIF KUALITI	10
PETUNJUK KUALITI	10
PERKHIDMATAN	11
AMALAN ETIKA PERUBATAN DI MAKMAL	12
PERSIJILAN MS ISO 15189	13
UJIAN YANG DIAKREDITASI MS ISO 15189	13
KAWALAN MUTU DALAMAN	14
KAWALAN MUTU LUARAN	14
WAKTU PERKHIDMATAN	14
LOKASI PERKHIDMATAN	15
GARIS PANDUAN	15
PANDUAN PERKHIDMATAN	15
PANDUAN PERMOHONAN UJIAN	16
PANDUAN ISI BORANG PERMOHONAN UJIAN	19
PANDUAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN (ADVISORY SERVICES)	20
PANDUAN ADUAN PELANGGAN	20
KEPERLUAN MENDAPATKAN KEIZINAN PESAKIT SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN	21
UJIAN	21
PANDUAN KADAR CAJ UJIAN	21
PANDUAN SALURAN PERMOHONAN UJIAN	22
PANDUAN UMUM PENYEDIAAN & PENGHANTARAN UJIAN DAN SPESIMEN UMUM	24
KEPERLUAN KHUSUS PENGAMBILAN SPESIMEN UJIAN KOAGULASI - SEBELUM ANALISIS	25
DI MAKMAL	25
PANDUAN KRITERIA PENOLAKAN UJIAN DAN SAMPEL	27
UMUM: BORANG PERMOHONAN	27
UMUM: LIS	27
UMUM: BEKAS/TIUB SAMPEL	27
UMUM: SAMPEL	28
UMUM: LAIN-LAIN	28
KHUSUS UNTUK UJIAN: Rutin Hematologi	29

KHUSUS UNTUK UJIAN: G6PD	29
KHUSUS UNTUK UJIAN: Koagulasi	29
KHUSUS UNTUK UJIAN: Hemoglobin Analisis (kemaskini 19.11.2023)	29
KHUSUS UNTUK UJIAN: Flowcytometry (kemaskini 25.10.2023)	29
KHUSUS UNTUK UJIAN: Molekular (kemaskini 01.03.2024)	29
PANDUAN ARAS TERAPEUTIK HEPARIN	30
PANDUAN MENGAMBIL TEMUJANJI UJIAN HEMOSTATIS & THROMBOSIS WORK-UP	31
PANDUAN MENGAMBIL TEMUJANJI UJIAN BONE MARROW ASPIRATE DAN FLOWSITOMETRI	32
PANDUAN MENGAMBIL TEMUJANJI UJIAN MOLEKULAR	32
PERKHIDMATAN	33
PIAGAM PELANGGAN MAKMAL HEMATOLOGI	33
PETUNJUK KUALITI	33
TEMPOH MASA MAKMAL (TAT) UJIAN URGENT/SEGERA/STAT	34
SENARAI KAKITANGAN & SAMBUNGAN TELEFON	35
JENIS-JENIS TIUB SAMPEL DARAH	37
SENARAI MAKLUMAT UJIAN RUTIN HEMATOLOGI	38
SENARAI MAKLUMAT UJIAN RUTIN KOAGULASI	38
SENARAI MAKLUMAT UJIAN KHUSUS KOAGULASI	39
SENARAI MAKLUMAT UJIAN HEMOLISIS	40
SENARAI MAKLUMAT UJIAN ANALISIS HEMOGLOBIN	40
SENARAI MAKLUMAT PEWARNAAN ASPIRAT SUMSUM	41
SENARAI MAKLUMAT UJIAN IMMUNOPHENOTYPING	41
SENARAI MAKLUMAT UJIAN MOLEKULAR	42
PENYEDIAAN SPESIMEN DARAH BERANTIKOAGULAN	43
INDIKASI PERMOHONAN UJIAN-UJIAN KES KHAS	44
UJIAN FBP (FULL BLOOD PICTURE)	44
KAJIAN FUNGSI PLATELET	45
SARINGAN KEKURANGAN FAKTOR (MIXING TEST)	47
KAJIAN KEKURANGAN FAKTOR (FAKTOR VIII, IX)	47
SARINGAN KEKURANGAN FAKTOR	47
UJIAN INHIBITOR FAKTOR KOAGULASI (SARINGAN & KHUSUS)	47
SARINGAN & PENGESAHAN ANTIKOAGULAN LUPUS (LA)	48
UJIAN PENYAKIT VON WILLEBRAND	48
TROMBOFILIA	49
ANTI Xa	49
HEMATOLOGI KHUSUS	49
KAJIAN HEMOLISIS	50
UJIAN IMMUNOPHENOTYPING (FLOWSITOMETRI)	50
MOLEKULAR	51
JULAT RUJUKAN	52
REFERENCE INTERVAL	52
CRITICAL LIMIT (PANIC VALUE)	59
LAMPIRAN	61
UBAT YANG BOLEH MENGGANGGU FUNGSI PLATELET	61
SENARAI PINDAAN	62

HAKCIPTA

© 2025 Semua hakcipta adalah terpelihara. Semua bahagian daripada kandungan penerbitan ini tidak boleh disalin atau dikeluarkan dalam sebarang bentuk termasuklan fotokopi, rakaman dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

NOMBOR PENDAFTARAN

ISBN 987-967-5547-82-9



JAWATANKUASA PENERBITAN

Penasihat

Dr. Shafini Mohamed Yusoff
(Ketua Jabatan)

Editor

Ahmad Zakwan Mustafa

Penghargaan

Anis Fadhilah Zulkipli
Ahmad Sharifuddin Mukhtarruddin

Penyumbang

Profesor Dr. Rosline Hassan
Prof. Madya Dr. Rosnah Bahar
Prof. Madya Dr. Noor Haslina Binti Mohd. Noor
Prof. Madya Dr. Muhammad Farid Johan
Dr. Marini Ramli
Prof. Madya Dr Mohd Nazri Hassan

KATA ALUAN

Dr. Shafini Mohamed Yusoff
Ketua Jabatan Hematologi & Unit Perubatan Tranfusi



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kita kehadrat Allah SWT kerana dapat mengemaskini Buku Panduan Perkhidmatan Makmal Hematologi untuk rujukan semua Pakar, Pegawai Perubatan dan Jururawat di Hospital Pakar USM. Buku panduan ini disediakan dengan mengambil kira keperluan MS ISO 15189 khas untuk ujian-ujian Makmal Perubatan.

Tujuan buku ini adalah sebagai panduan bagi permohonan berkaitan ujian hematologi serta julat nilai normal ujian sebagai rujukan semua. Buku panduan ini adalah satu pendedahan tatacara dalam proses pra-analitik, iaitu sebahagian daripada proses untuk menghasilkan keputusan ujian yang tepat yang dapat dimanfaatkan dalam perawatan pesakit. Dalam era akreditasi makmal-makmal perubatan ini, adalah wajar semua staf yang berkaitan peka terhadap kepentingan buku panduan ini dan dapat bekerjasama mematuhi garis panduan yang disediakan bukan sahaja bagi kepentingan perawatan pesakit, malah bagi memastikan ujian yang dipohon adalah kos efektif dan mengelak pembaziran dari pelbagai aspek.

PENGENALAN

Jabatan Hematologi dan Unit Perubatan Transfusi (dahulu dikenali sebagai Tabung Darah) mula beroperasi pada 01 Ogos 1983 dengan menyediakan perkhidmatan diagnostik, terapeutik, penyelidikan, dan pembelajaran.

Selaras dengan objektif universiti untuk menjadikan USM sebagai pusat rujukan dan penyelidikan pakar dari dalam dan luar negara, kedua-dua unit ini sentiasa menilai dan membentuk perkhidmatan-pekhidmatan baru yang berkaitan dengan bidang hematologi dan perubatan transfusi.

Secara rasmi, unit ini mula beroperasi sepenuhnya pada 16 Januari 1984 dengan kakitangan seramai 13 orang yang diketuai oleh seorang Pegawai Perubatan. Pada 22 Januari 1984, Makmal Tabung Darah mula menawarkan ujian-ujian yang berkaitan dengan penggunaan darah kepada pesakit dan menghasilkan komponen darah untuk kegunaan transfusi. Selaras dengan perkembangan dalam bidang transfusi, Unit Tabung Darah bukan sahaja membekalkan darah, malah turut memberikan khidmat terapeutik dan perkhidmatan 'advisory' untuk perawatan/penjagaan pesakit. Maka, Unit Tabung Darah telah ditukar nama kepada Unit Perubatan Transfusi bermula pada 01 Jun 2003.

Kini, Jabatan Hematologi, adalah dibawah pentadbiran Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), manakala Unit Perubatan Transfusi adalah di bawah pentadbiran Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM). Makmal Hematologi HPUSM terletak di aras bawah, Blok 25 iaitu di antara Klinik Pesakit Luar dan *Red Square* (Dataran Pelajar) USM. Berhampiran dengan Jabatan Hematologi (Blok 10) dan Makmal Patologi serta Klinik Dietetik ([peta lokasi: sila rujuk muka surat 14](#)).

MISI & VISI

Misi

Jabatan Hematologi dan Unit Perubatan Transfusi Bertekad mencapai misi untuk memberi keutamaan kepada Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Pemindahan Darah, Ujian Diagnostik dan Komited kepada Pendidikan dan Semua Aktiviti Penyebaran Ilmu kepada Pelajar.

Visi

Sentiasa Memantap dan Mempertingkatkan Kualiti semua Perkhidmatan yang diberikan kepada Pesakit, Pelajar, Penderma Darah dan Masyarakat.

FUNGSI

MAKMAL PERUBATAN DIAGNOSTIK

Perkhidmatan diagnostik yang ditawarkan oleh makmal perubatan telah bertambah dari tahun ke tahun selaras dengan fungsi universiti sebagai gedung ilmu yang berkembang untuk menghasilkan para cendekiawan berkualiti serta pusat rujukan dan penyelidikan dalam dan luar negara.

Bermula dengan 12 jenis ujian yang ditawarkan pada bulan Januari 1984, meningkat kepada 72 jenis ujian pada Disember 1995, Jabatan Hematologi telah mengemaskini kualiti perkhidmatannya kepada yang terkini dan ringkas dengan menawarkan 45 jenis ujian diagnostik hematologi, iaitu 11 ujian rutin tanpa temujanji, 10 ujian khusus tanpa temujanji, 24 ujian khusus dengan temujanji. Sebanyak 18 ujian telah diiktiraf dibawah akreditasi MS ISO 15189.

AKADEMIK

Jabatan Hematologi terlibat secara langsung di dalam program akademik Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Pusat Pengajian Sains Pergigian (PPSG), Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK), Institut Pergigian Perubatan Termaju (IPPT) dan USM-KLE, India.

Penglibatan ini termasuklah memberi kemudahan penempatan pembelajaran dan bekalan makmal serta tenaga pengajar. Kakitangan yang memberi perkhidmatan rawatan pesakit dan perkhidmatan diagnostik makmal juga terlibat di dalam program-program tersebut. Aktiviti akademik termasuklah kuliah, praktikal, tutorial, seminar dan lain-lain untuk pelajar-pelajar peringkat sekolah, Diploma, Ijazah, Pasca Siswazah termasuk IPTA, IPTS dari dalam dan luar negara.

Setakat ini, hanya Makmal Hematologi telah diakreditasi oleh RCPA sebagai tempat pengajaran di USM, Kampus Kesihatan untuk pasca siswazah untuk Program Sarjana Patologi (Hematologi).

PENYELIDIKAN

Jabatan Hematologi juga menawarkan perkhidmatan ujian-ujian hematologi, hemostasis, hemolisis, sumsum tulang, flowsitometri dan molekular untuk tujuan penyelidikan. Setiap ujian akan dicaj mengikut anggaran penggunaan kemudahan dan bahan bekalan makmal. Penyelidik yang ingin memohon perkhidmatan ini perlu terlebih dahulu berunding dengan Ketua Jabatan Hematologi dan ahli jawatankuasa yang telah dipilih di peringkat unit/makmal.

KUALITI

POLISI KUALITI MS ISO 15189

“Makmal Perubatan Hospital Pakar USM bertekad untuk mengamal nilai profesionalisma demi memastikan tahap perkhidmatan makmal memenuhi kehendak pelanggan mengikut tahap antarabangsa. Makmal Perubatan Hospital Pakar USM juga beriltizam untuk mengamal dan sentiasa menambahbaik sistem pengurusan kualiti ke arah kecemerlangan perkhidmatan, keselamatan dan kesejahteraan pelanggan”

OBJEKTIF KUALITI

1. Sekurang-kurangnya 80 peratus makmal mencapai kadar penolakan berdasarkan indikasi kualiti makmal.
2. Sekurang-kurangnya 80 peratus makmal mencapai pemantauan TAT berdasarkan indikasi kualiti
3. Sekurang-kurangnya 80 penyertaan dalam kawalan kualiti luaran memuaskan untuk semua skop diakreditasi.

PETUNJUK KUALITI

1. Jumlah penolakan sampel ujian berdasarkan kriteria *clotted* dan *insufficient* tidak melebihi empat peratus.
2. Keputusan ujian kualiti luaran RCPA FBC dan Hemostasis mestilah 80 peratus ke atas menepati julat yang ditetapkan oleh RCPA.
3. Pemantauan tempoh masa keputusan ujian dikeluarkan untuk ujian FBC, FBC/DC, FBP, PT/APTT, D-Dimer, asai Faktor VIII & IX, Lupus Antikoagulant, Sum-sum tulang, Immunophenotyping, Hb Analisis, G6PD, dan JAK2 mestilah mencapai sasaran 80 peratus ke atas.

PERKHIDMATAN

Pelanggan untuk Jabatan Hematologi adalah pakar, pegawai perubatan dan pelajar. Makmal Hematologi amat mementingkan kualiti perkhidmatan yang diberikan atas dasar kewajipan yang diamanahkan. Kualiti perkhidmatan dapat dinilai melalui; Aktiviti-aktiviti penyediaan spesimen pesakit untuk ujian.

- A. Proses ujian.
- B. Pemprosesan maklumat.
- C. Laporan ujian
- D. Amalan etika perubatan

Perkhidmatan berkualiti juga termasuklah aktiviti-aktiviti di peringkat wad atau klinik, iaitu;

- A. Komunikasi sebelum dan selepas proses ujian
- B. Pengisian borang termohonan dengan lengkap.
- C. Penghantaran spesimen mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- D. Aktiviti-aktiviti sokongan lain (sistem maklumat makmal, pentadbiran)

Perkhidmatan berkualiti dapat ditingkatkan lagi dengan kerjasama dari wad, klinik, dan juga kumpulan sokongan lain yang cekap dan berkesan.

Makmal Hematologi sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui;

- A. Pembelajaran berterusan dan latihan kepada kakitangan.
- B. Penilaian dan penambahbaikan proses kerja dan perkhidmatan.
- C. Mengemaskini kaedah ujian dan alatan.
- D. Pengawasan dan penilaian kualiti tatacara analitikal melalui program-program Kawalan Mutu Dalaman dan Luaran.
- E. Audit dan penilaian secara berkala

AMALAN ETIKA PERUBATAN DI MAKMAL

KERAHSIAAN KEPUTUSAN UJIAN-UJIAN MAKMAL

Semua staf, pelajar, penyelidik Jabatan Hematologi, kontraktor, pembekal dan staf USM yang berurusan dengan Jabatan Hematologi tertakluk di bawah Surat Aku Janji Kerahsiaan Makmal Perubatan, Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia yang merangkumi:

1. Mengelakkan diri daripada terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh menjatuhkan nama baik serta integriti makmal / jabatan ini;
2. Menjalankan tugas-tugas dengan adil dan saksama tanpa prejudis (impartiality) serta tidak membenarkan sebarang pengaruh komersial atau tekanan, termasuk kewangan.

Jujur dalam memelihara dan mengawal keputusan spesimen ujian yang diuruskan oleh makmal / jabatan ini;

3. Menjaga kerahsiaan keputusan ujian pesakit;
4. Mengendalikan keputusan spesimen sampel yang diuruskan oleh makmal / jabatan ini dengan penuh tanggungjawab.
5. Mematuhi etika perkhidmatan makmal:
 - i) Memanipulasi penyepaduan untuk memenuhi kriteria kawalan kualiti atau kalibrasi.
 - ii) Mereka keputusan ujian.
 - iii) Mengecualikan data untuk memenuhi keperluan kawalan kualiti
 - iv) Menetapkan semula tarikh dan masa perisian komputer
 - v) Kegagalan mematuhi prosedur piawaian operasi
 - vi) Pengiraan lembaran kerja yang tidak disahkan
 - vii) Memanipulasi atau tidak menyelenggara rekod yang betul
 - viii) Pengurusan kawalan kualiti yang tidak sesuai
 - ix) Menghapuskan data

PERSIJILAN MS ISO 15189

Makmal Hematologi telah diiktiraf mematuhi piawaian persijilan MS ISO 15189 setara dengan MS ISO/IEC 17025:2001 (Nombor Pendaftaran: 480) sejak dari 1 November 2010 dari Jabatan Standards Malaysia (SAMM). Pengiktirafan MS ISO 15189 bererti ujian-ujian yang dilakukan di Makmal Hematologi adalah berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

UJIAN YANG DIAKREDITASI MS ISO 15189

Rutin Hematologi

1. *Full Blood Count (FBC)*
2. *Reticulocyte Count (RC)*
3. *Automated Differential (DC)*
4. *Blood Film Differential / Morphology*
5. *Full Blood Picture (FBP): FBC & Smear*
6. *Erythrocyte Sedimentation Rate (ESR)*
7. *Glucose-6-Phosphatase Deficiency (G6PD) Screening*

Rutin Koagulasi

1. *Activated Partial Thromboplastin Time (APTT)*
2. *Prothrombin Time (PT) / International Normalized Ratio (INR)*
3. *Fibrinogen*
4. *D-dimer*

Koagulasi Khusus

1. *Factor Assay – Factor VIII, Factor IX*
2. *Lupus Anticoagulant (LA)*

Analisis Hemoglobin

1. *Haemoglobin Analysis (HPLC method)*
2. *Haemoglobin Analysis (Capillary Electrophoresis Method)*

Flowsitometri

1. *Immunophenotyping*

Molekular (PCR)

1. *Qualitative JAK 2 (V617F)*

Sumsum Tulang

1. *Examination and cytochemical staining*

Ujian-ujian lain sedang dalam proses penambahbaikan dari semasa ke semasa ke arah peningkatan mutu dan kualiti ujian.

KAWALAN MUTU DALAMAN

Penyeliaan kualiti secara rutin merangkumi prosedur yang perlu diamalkan oleh semua staf makmal di dalam proses menganalisis dan mengeluarkan keputusan ujian makmal dengan cepat dan tepat. Kawalan mutu pekhidmatan diagnostik dan analitikal hematologi diawasi dan dinilai melalui pengujian spesimen kawalan mutu dan piawai sebelum spesimen pesakit dianalisis.

KAWALAN MUTU LUARAN

Makmal Hematologi menyertai program kawalan mutu luaran *Royal College of Pathologist of Australasia External Quality Assurance Programme* (RCPA QAP). Kesemua ujian rutin dan sebahagian ujian khusus terlibat dalam program kualiti luaran tersebut. Kawalan mutu luaran memastikan ketepatan dan *reproducibility* keputusan ujian-ujian yang ditawarkan oleh Makmal Hematologi.

WAKTU PERKHIDMATAN

Makmal Hematologi sentiasa menyediakan perkhidmatan 24 jam mengikut pembahagian masa seperti berikut:

WAKTU PERKHIDMATAN


(Waktu Pejabat) Ahad - Rabu 8:00 am - 5:00 pm (Khamis, 3:30 pm)

(Luar Waktu Pejabat) Ahad - Rabu 5:00 pm (Khamis, 3:30 pm) - 8:00 am

Jumaat, Sabtu & Hari Kelepasan Am 24 jam

LOKASI PERKHIDMATAN

Lokasi Makmal Hematologi adalah seperti peta lantai berikut:



GARIS PANDUAN

PANDUAN PERKHIDMATAN

Ujian-ujian hematologi disediakan untuk terutamanya kepada pesakit di wad-wad dan klinik-klinik HPUSM. Pesakit dari hospital dan klinik kerajaan, hospital dan klinik swasta, dan pusat-pusat kesihatan lain boleh menggunakan perkhidmatan ini melalui rundingan terlebih dahulu di antara Pegawai Perubatan pesakit berkenaan dengan Pegawai Perubatan/Pakar Hematologi di HPUSM.

Spesimen yang diterima akan diproses dan keputusan ujian dikeluarkan setelah disahkan oleh Pakar Hematologi, Pegawai Perubatan, Pegawai Sains, atau Juruteknologi Makmal Perubatan. Pemohon ujian diminta mengisi ruang 'status permohonan' (kecemasan atau rutin) pada LIS dan/atau borang permohonan ujian.

PANDUAN PERMOHONAN UJIAN

UJIAN RUTIN	UJIAN URGENT/SEGERA/STAT	UJIAN KHUSUS
Ujian yang dilakukan ke atas pesakit untuk mengesan kondisi klinikal yang biasa atau sebagai saringan awal untuk ujian seterusnya. Boleh dipohon pada waktu pejabat dan luar waktu pejabat (oncall). Tidak memerlukan temujanji.	Ujian yang disegerakan oleh sebab kecemasan sahaja. Ujian yang dipohon akan diberikan keutamaan dalam proses analisis dan pengeluaran keputusan ujian. Boleh dipohon pada waktu pejabat atau luar waktu pejabat (oncall).	Ujian pengesahan. Permohonan ujian perlu dibuat melalui temujanji atau tanpa temujanji bergantung kepada jenis ujian yang dipohon. Hanya diterima dan dianalisa pada waktu pejabat sahaja kecuali bagi kes kecemasan.

UJIAN RUTIN YANG DITAWARKAN DILUAR WAKTU PEJABAT

1. Full Blood Count (FBC)
2. Prothrombin Time (PT)
3. Activated Partial Thromboplastin Time (aPTT)
4. DIC screening
5. G6PD screening

Ujian-ujian selain dari yang tersenarai di sini **HANYA** akan dijalankan jika terdapat permohonan yang khusus dan diperlukan sahaja. Kelulusan dari Pegawai Perubatan Hematologi yang bertugas atas panggilan diperlukan.

Permohonan ujian **URGENT/STAT** hendaklah dimaklumkan kepada pihak makmal melalui panggilan telefon. Permohonan yang tidak melalui panggilan tidak akan dilayan sebagai ujian **URGENT/STAT**.

SENARAI UJIAN RUTIN, STAT & KHUSUS

SECTION	NAMA UJIAN	RUTIN	STAT	KHUSUS	TEMUJANJI
Rutin Hematologi	FBC	✓	✓	-	-
	DC	✓	✓	-	-
	FBP	✓	-	-	-
	Retic count	✓	✓	-	-
	ESR	✓	✓	-	-
	Bleeding Time	-	-	✓	✓
Rutin Koagulasi	APTT	✓	✓	-	-
	PT/INR	✓	✓	-	-
	D-Dimer	✓	✓	-	-
	Fibrinogen	✓	✓	-	-
	DIC	✓	✓	-	-
Koagulasi Khusus	Thrombine Time	-	-	✓	✓
	Reptilase Time	-	-	✓	✓
	Factor II Assay	-	-	✓	✓
	Factor V Assay	-	-	✓	✓
Koagulasi Khusus	Factor VII Assay	-	-	✓	✓
	Factor VIII Assay	-	-	✓	✓
	Factor IX Assay	-	-	✓	✓
	Factor X Assay	-	-	✓	✓
	Factor XI Assay	-	-	✓	✓
	Factor XII Assay	-	-	✓	✓
	Factor XIII Screening	-	-	✓	✓
	Factor Inhibitor Screen (Mixing Test)	-	-	✓	✓
	Factor Inhibitor Assay (Bethesda Assay)	-	-	✓	✓
	Thrombophilia Screening	-	-	✓	✓
	Lupus Anticoagulant Assay	-	-	✓	✓
	Von Wllibrand Factor Assay	-	-	✓	✓
	Platelet Aggregation	-	-	✓	✓
	Anti Xa Assay	-	-	✓	✓
Analisis Hemo-globin (kemaskini 15.08.2023)	Thalassaemia Screening Test (HPLC & CE)	-	-	✓	-
	Hb Inclusion (Hb H)	-	-	✓	-
	Sickling Test (Hb S)	-	-	✓	-
Sumsum Tulang	Aspirat sumsum tulang	-	-	✓	✓

SECTION	NAMA UJIAN	RUTIN	STAT	KHUSUS	TEMUJANJI
Hemolisis	<i>G6PD screening test</i>	✓	-	-	-
	Ujian Kleihauer	-	-	✓	✓
	<i>Osmotic Fragility Test</i>	-	-	✓	✓
Flow-cyto-metri	<i>Paroxysmal Nocturnal Hemoglobinuria (PNH) Immunophenotyping</i>	-	-	✓	✓
	<i>Leukemia/ Lymphoma immunophenotyping</i>	-	-	✓	✓
Molekular	<i>Qualitative JAK2 (V617F) Mutation</i>	-	-	✓	✓
	<i>Qualitative CALR Type 1 and Type 2</i>	-	-	✓	✓
	<i>Qualitative alpha-thalassaemia (deletional)</i>	-	-	✓	✓
	<i>Qualitative beta-thalassaemia</i>	-	-	✓	✓
	<i>Molecular for Leukemia</i>	-	-	✓	✓
	<i>Quantitative BCR-ABL1 Major Breakpoint (p210) (GeneXpert)</i>	-	-	✓	✓

Pihak makmal bersedia untuk memberi perkhidmatan rundingcara berkaitan dengan jenis ujian dan permohonan ujian mengikut keperluan pesakit. Keputusan ujian hanya dikeluarkan kepada pihak yang memohon ujian. Pihak makmal tidak mengeluarkan keputusan ujian secara langsung kepada pesakit.

PANDUAN ISI BORANG PERMOHONAN UJIAN

Permohonan ujian yang masih perlu borang bercetak hendaklah dihantar bersama borang tersebut. Borang permohonan ujian makmal hematologi perlu diisi lengkap dengan maklumat berikut dengan betul:

1. Maklumat pesakit (Nama, RN, jantina, umur, wad / klinik)
2. Nama dan nombor MPM doktor yang memohon.
3. Jenis spesimen dan ujian yang dipohon.
4. Prosedur yang dilalui pesakit (*pre/post* transfusi, preskripsi, dll).
5. Rawatan yang sedang diberikan.
6. Ringkasan sejarah klinikal pesakit yang relevan.
7. Masa, waktu dan tarikh spesimen diambil.
8. Pemohonan mesti didaftarkan di dalam LIS (untuk ujian tertentu)

Permohonan ujian yang dihantar ke makmal mestilah telah menerima persetujuan dari pesakit. Pihak wad / klinik bertanggungjawab mendapatkan persetujuan tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab pihak makmal untuk mengekalkan kerahsiaan keputusan ujian dan maklumat pesakit.

PANDUAN PERKHIDMATAN PERUNDINGAN (ADVISORY SERVICES)

Makmal komited untuk memenuhi keperluan pelanggan kami dan bertanggungjawab untuk memberikan sebarang penjelasan terhadap permintaan mereka.

a) Mesyuarat berkala diadakan antara kakitangan makmal dan pakar klinikal bagi tujuan pengurusan pesakit. Antara aktiviti yang terlibat termasuk persidangan CPC dan perkhidmatan hematologi.


b) Pelanggan mempunyai akses kepada pakar patologi oncall sepenuh masa, juruteknologi makmal perubatan dan kakitangan makmal perubatan oncall yang tersedia 24 jam untuk membincangkan keperluan ujian dan tafsiran keputusan, sekiranya perlu.

c) Pelanggan akan dimaklumkan secara lisan atau bertulis sekiranya terdapat sebarang kelewatan dalam pelaksanaan ujian / keputusan.


PANDUAN ADUAN PELANGGAN

Pihak makmal bersedia menerima aduan dan cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan melalui saluran yang disediakan (telefon, borang maklumbalas pelanggan dan kajian kepuasan pelanggan).

Borang Kaji Selidik Tahap
Kepuasan Pelanggan Makmal
Hematologi Hospital Pakar USM





Borang Maklumbalas
Pelanggan



KEPERLUAN MENDAPATKAN KEIZINAN PESAKIT SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN UJIAN

Pemohon ujian perlu mendapatkan keizinan pesakit sebelum membuat sebarang permohonan ujian makmal. Keizinan tersebut perlu direkod dan disimpan dengan selamat. Sila rujuk polisi HPUSM berkenaan keizinan pesakit.



Hebahan HPUSM
polisi keizinan pesakit



PANDUAN KADAR CAJ UJIAN

Sila rujuk hebahan berikut:

Hebahan HPUSM
kadar fi dan bayaran



PANDUAN SALURAN PERMOHONAN UJIAN

SENARAI UJIAN DAN SALURAN PERMOHONAN

Seksyen	Nama ujian	Keperluan isi indikasi/sejarah/ rawatan pada borang & LIS		Pohon ujian melalui:	
		Low priority	High priority	Borang	LIS
Rutin Hematologi	FBC	✓	-	-	✓
	DC	✓	-	-	✓
	FBP	-	✓	-	✓
	<i>Retic count</i>	✓	-	-	✓
	ESR	✓	-	-	✓
	<i>Bleeding Time</i>	-	✓	-	✓
Rutin Koagulasi	APTT	✓	-	-	✓
	PT/APTT	✓	-	-	✓
	D-Dimer	✓	-	-	✓
	Fibrinogen	-	-	-	✓
	DIC	-	-	-	✓
Koagulasi Khusus	<i>Thrombine Time</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Reptilase Time</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor II Assay</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor V Assay</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor VII Assay</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor VIII Assay</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor IX Assay</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor X Assay</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor XI Assay</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor XII Assay</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor XIII Screening</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Factor Inhibitor Screen (Mixing Test)</i>	-	✓	✓	✓
Koagulasi Khusus	<i>Factor Inhibitor Assay (Bethesda Assay)</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Thrombophilia Screening</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Lupus Anticoagulant Assay</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Von Willebrand Factor Assay</i>	-	✓	✓	✓

Seksyen	Nama ujian	Keperluan isi indikasi/sejarah/ rawatan pada borang & LIS		Pohon ujian melalui:	
		Low priority	High priority	Borang	LIS
Koagulasi Khusus	<i>Platelet Aggregation</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Anti Xa Assay</i>	-	✓	✓	✓
Analisis Hemo-globin (kemaskini 15.08.2023)	<i>Thalassaemia Screening Test (HPLC & CE)</i>	-	✓	-	✓
Sumsum Tulang	Aspirat sumsum tulang	-	✓	✓	✓
Hemolisis	<i>G6PD screening test</i>	✓	-	-	✓
	<i>Kleihauer test</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Osmotic Fragility Test</i>	-	✓	✓	✓
Flow-cyto-metri	<i>Paroxysmal Nocturnal Hemoglobinuria (PNH) Immunophenotyping</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Leukemia/ Lymphoma immunophenotyping</i>	-	✓	✓	✓
Molekular	<i>Qualitative JAK2 (V617F) Mutation</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Qualitative CALR Type 1 and Type 2</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Qualitative alpha-thalassaemia (deletional)</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Qualitative beta-thalassaemia</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Molecular for Leukemia</i>	-	✓	✓	✓
	<i>Quantitative BCR-ABL1 Major Breakpoint (p210) (GeneXpert)</i>	-	✓	✓	✓

PANDUAN UMUM PENYEDIAAN & PENGHANTARAN UJIAN DAN SPESIMEN UMUM

1. Pastikan nama, nombor pendaftaran, nombor kad pengenalan, pesakit dikenalpasti sebelum darah diambil. Ambil darah seorang pesakit pada setiap satu masa.
2. Isi spesimen darah sehingga tanda aras yang ditetapkan pada tiub.
3. Label tiub/bekas spesimen dengan nama pesakit, RN, wad atau klinik, masa sampel diambil, tarikh sampel diambil, dan jenis ujian dipohon. Staf yang mengambil spesimen dan staf yang melabel spesimen tersebut mestilah individu yang sama di katil pesakit. Dilarang melabel dua atau lebih sampel pesakit dalam satu masa.
4. Ambil darah pesakit secara aseptik dan guna tiub spesimen betul.
5. Sebatikan darah dengan antikoagulan dalam tiub yang mengandungi antikoagulan, untuk mengelakkan darah beku (clotted).
6. Hantar spesimen ke makmal dengan segera. Dilarang simpan spesimen darah untuk ujian koagulasi dalam peti ais sebelum dihantar.
7. Spesimen ujian G6PD (darah kering pada kertas turas): label dan masukkan satu spesimen dalam satu plastik biohazard sahaja.
8. Lupus bahan pengambilan spesimen (jarum, picagari, kapas, dll) ke dalam bekas kuning *biohazard* yang sesuai.

KEPERLUAN KHUSUS PENGAMBILAN SPESIMEN UJIAN KOAGULASI - SEBELUM ANALISIS DI MAKMAL

1. Spesimen untuk koagulasi mesti dilakukan dengan kaedah yang tertentu untuk mengelakkan protein, enzim dan kofactor ini teraktif atau musnah dengan mudah. Kaedah pengambilan darah yang betul, dapat memberikan spesimen yang terbaik untuk ujian koagulasi.

2. Tourniquet atau alat yang dijadikan tourniquet hendaklah disediakan. Contoh pakai buang tourniquet - sebaik-baiknya jenis *latex free*. Elakkan penggunaan tourniquet yang lama. Sekiranya boleh, tidak menggunakan tourniquet yang ketat. Bacaan tekanan darah jika perlu di setkan pada tekanan rendah, < 40 mmHg.

3. Tolok jarum yang sesuai untuk ujian koagulasi adalah antara 19-22G. Bagi Pesakit pediatrik adalah 25G kebawah.

4. Picagari atau tiub evakuasi boleh digunakan untuk mengambil spesimen. Setiap kali spesimen darah diambil, beberapa milimeter darah hendaklah digunakan untuk ujian yang lain atau dibuang. Mengikut susunan dalam proses pengambilan darah, spesimen koagulasi mestilah berada dalam kedudukan nombor dua atau tiga (rujuk aturan pengisian darah dalam tiub darah) dan mestilah mempunyai isipadu yang mencukupi sekurang-kurangnya 90% daripada isipadu penuh. Spesimen yang +/- 10% daripada isipadu penuh adalah diterima. Semua tiub koagulasi hendak diterbalikkan dengan perlahan sekurang-kurang 4 kali supaya darah dengan antikoagulan sebatu.

5. Nisbah standard antara darah dengan antikoagulan adalah 9:1 (cadangan NCCLS: 0.105-0.109 mol/L, 3.13%-3.2% (biasanya disebut 3.2%) daripada bentuk trisodium citrate dihidrat ($\text{Na}_3\text{C}_6\text{H}_5\text{O}_7 \cdot 2\text{H}_2\text{O}$), dalam bentuk cecair atau bukan cecair. Antikogulan yang lain, contoh: oxalate, heparin atau EDTA tidak diterima.

6. Bagi pesakit yang nilai hematokrit melebihi 55%, jumlah citrate mestilah diselaraskan (dikurangkan) mengikut formula berikut:

$$X = [(100 - \text{PCV}) / (595 - \text{PCV})] \text{ Vol}$$

Contoh pengiraan:

Jika pesakit mempunyai hematokrit 60%. Bagaimana untuk menentukan isipadu yang diperlukan untuk 2.7 ml darah yang berantikoagulan?

$$X = [(100 - 60) / (595 - 60)] 2.7 = 0.2\text{ml} *$$

* (0.2ml antikoagulan trisodium citrate diperlukan untuk 2.7ml darah)

Penafian

1. Ujian PT & APTT di Makmal Hematologi HPUSM adalah menggunakan metod klot mekanikal yang secara umumnya tak terkesan oleh spesimen *lipaemic/ icteric* dan *hemolyzed* (Rujukan: CLSI/ hemostasis expert).
2. Bagi spesimen *polycythaemia*, ubahsuai nisbah anticoagulant:sample perlu dibuat sesuai dengan aras hematocrit. *Polycythaemia* normal pada neonates, tetapi jika dikenalpasti klinikal dan *prolonged* PT, APTT, berhubung dengan pihak makmal untuk penyelesaian.

PANDUAN KRITERIA PENOLAKAN UJIAN DAN SAMPEL

UMUM: BORANG PERMOHONAN

1. Permohonan ujian berulang / duplikasi.
2. Label tak lengkap / jelas:
 - i. Nama pesakit.
 - ii. Nombor pendaftaran (RN) pesakit.
 - iii. Nombor MPM doktor.
 - iv. Nama, tandatangan, cop doktor
3. Indikasi klinikal, diagnosis dan rawatan tak lengkap.
4. Permohonan ujian yang tidak berkaitan dengan diagnosis pesakit.
5. Borang permohonan ujian yang salah / silap / tiada.

UMUM: LIS

6. Permohonan ujian berulang / duplikasi
7. Indikasi klinikal, diagnosis dan rawatan tak lengkap.
8. Permohonan ujian yang tidak berkaitan dengan diagnosis pesakit.
9. Permohonan ujian yang salah / silap / tiada dan sama ada bersama atau tiada sampel.

UMUM: BEKAS/TIUB SAMPEL

10. Bekas / tiub pecah.
11. Bekas / tiub kosong.
12. Bekas / tiub luput tarikh penggunaan.
13. Bekas / tiub bocor.
14. Nama dan nombor pendaftaran (RN) pesakit pada bekas / tiub tak sama dengan maklumat pesakit pada permohonan ujian.
15. Bekas / tiub tak berlabel.
16. Bekas / tiub yang salah untuk ujian.

UMUM: SAMPEL

17. Sampel berusia /lama
18. Sampel klot.
19. Sampel cair (saluran drip).
20. Sampel terlebih dari isipadu dibenarkan.
21. Sampel beku.
22. Sampel label tidak lengkap /jelas:
 - i. Nama pesakit.
 - ii. Nombor pendaftaran (RN) pesakit.
 - iii. Nombor MPM doktor.
23. Sampel dikendalikan dengan tidak betul /cermat:
 - i. Sampel tidak diasingkan dalam plastik biohazard berasingan.
24. Sampel yang salah untuk ujian yang dipohon.
25. Sampel tidak cukup (insufficient).
26. Sampel berlemak (lipemic).
27. Sampel berjangkit tak dilabel stiker penyakit berjangkit /biohazard.
28. Sampel tidak direkodkan masa pengambilan darah.
29. Sampel terbocor / meleleh / tertumpah / pecah.
30. Sampel dihantar diluar waktu perkhidmatan yang dibenarkan (selepas waktu bekerja).
31. Sampel hemolisis teruk (severely haemolysed), kecuali disebabkan oleh hemolisis dalaman (in vivo haemolysis) yang disebabkan oleh faktor pesakit.
32. Sampel tidak dilabel.
33. Sampel salah / tiada.

UMUM: LAIN-LAIN

34. Tidak membuat janji temu untuk ujian yang memerlukan janji temu.

KHUSUS UNTUK UJIAN: Rutin Hematologi

35. Sampel dihantar ke makmal lebih 4 jam dari masa pengambilan darah (Ujian FBP - Full Blood Picture)
36. Sampel dihantar ke makmal lebih 4 jam dari masa pengambilan darah (Ujian ESR - Erythrocyte Sedimentation Rate)

KHUSUS UNTUK UJIAN: G6PD

37. Sampel darah kering pada kertas turas tidak diletakkan dalam plastik/plastik biohazard masing-masing yang berasingan.

KHUSUS UNTUK UJIAN: Koagulasi

38. Sampel dihantar ke makmal lebih 4 jam dari masa pengambilan darah.

KHUSUS UNTUK UJIAN: Hemoglobin Analisis *(kemaskini 19.11.2023)*

39. Sampel dihantar ke makmal lebih tiga hari dari masa pengambilan darah. (untuk pelanggan dari luar HPUSM).
40. Sampel dihantar ke makmal tanpa ais. (untuk pelanggan dari luar HPUSM).

KHUSUS UNTUK UJIAN: Flowcytometry *(kemaskini 25.10.2023)*

41. Sampel dihantar ke makmal lebih 48 jam dari masa pengambilan darah.

KHUSUS UNTUK UJIAN: Molekular *(kemaskini 01.03.2024)*

42. Tiada keputusan ujian Hemoglobin Analisis (HBA) bagi permohonan ujian thalassemia.
43. Sampel dihantar ke makmal lebih 4 jam dari masa pengambilan darah (Qualitative JAK2, Qualitative CALR. Qualitative Alpha-Thalassemia and Beta-Thalassemia).

44. Sampel dihantar ke makmal lebih 2 jam dari masa pengambilan darah (Molecular for Leukemia and Quantitative and BCR-ABL1 Major Breakpoint (p210)).

PANDUAN ARAS TERAPEUTIK HEPARIN

Julat nilai aras terapeutik piawai *Unfractionated Heparin* (UFH) yang menggunakan ujian asai anti-Xa dicadangkan oleh piawaian adalah di antara 0.3 – 0.7 iu/mL. Julat nilai aras tersebut adalah bersamaan dengan pemalar 1.5 – 2.5 kali bagi julat nilai normal ujian activated partial Thromboplastine Time (APTT).

Kajian in vitro terkini di makmal mendapati julat nilai aras terapeutik UFH menggunakan ujian asai anti-Xa antara 0.3 – 0.7 iu/mL menghampiri pemalar 2 – 2.5 kali julat nilai normal APTT.

Sehubungan dengan itu, pegawai perubatan dan pakar-pakar disarankan untuk menyesuaikan dos heparin yang sesuai dengan julat terkini kajian in vitro di makmal.

PANDUAN MENGAMBIL TEMUJANJI UJIAN HEMOSTATIS & THROMBOSIS WORK-UP

1. Sebelum memberi tarikh untuk penghantaran spesimen darah, pemanggil (MO wad) perlu menghubungi MO/Pensyarah Hematologi yang bertugas terlebih dahulu. Ini bagi membolehkan MO/Pensyarah Hematologi mengisi borang *Patient's Data for Haemostasis and Thrombosis work-up* terlebih dahulu serta menentukan *relevance* permintaan ujian-ujian berkenaan.

2. Setelah MO/Pensyarah Hematologi yang bertugas mendapat maklumat berkenaan dengan pesakit dan ujian-ujian yang diminta adalah *indicated*, TEMUJANJI tarikh dan masa ujian-ujian berkenaan boleh diberikan, masa adalah pada waktu pagi (9.00 am) dan dicatatkan dalam Buku Temujanji Koagulasi Khusus.

3. Bagi ujian Platelet Aggregation yang telah ada temujanji, masa yang perlu diberi adalah sebelum 9.00 am.

4. MO wad perlu dimaklumkan kuantiti dan jenis spesimen darah serta cara penghantaran bagi ujian yang berkenaan seperti dinyatakan pada Senarai Ujian Khusus Koagulasi.

PANDUAN MENGAMBIL TEMUJANJI UJIAN *BONE MARROW ASPIRATE* DAN FLOWSITOMETRI

1. Hubungi Makmal Hematologi untuk mendapatkan tarikh temujanji aspirasi sumsum tulang (BMA).
2. Hubungi Pegawai Perubatan (MO) Hematologi untuk membuat temujanji ujian flowsitometri.

PANDUAN MENGAMBIL TEMUJANJI UJIAN MOLEKULAR

1. Sebelum menghantar spesimen darah, Pegawai Perubatan Wad perlu menghubungi Pegawai Perubatan Hematologi yang bertugas di ext 6206/ 8726 untuk membuat temujanji.
2. Pegawai Perubatan Hematologi akan mendapatkan maklumat berkaitan dengan mengisi borang Patient's Data for Molecular Analysis untuk menentukan relevan permintaan ujian berkenaan.
3. Jika ujian yang diminta adalah indicated, Pegawai Perubatan Wad perlu menghubungi Seksyen Molekular, Makmal Hematologi di ext: 4020/ 6208 untuk mengambil tarikh temujanji penghantaran spesimen darah. Staf Seksyen Molekular, Makmal Hematologi akan mencatatkannya dalam Buku Temujanji Molekular.
4. Pegawai Perubatan Wad perlu dimaklumkan kuantiti dan jenis spesimen darah serta cara penghantaran bagi ujian yang berkenaan seperti dinyatakan pada Senarai Maklumat Ujian Molekular.

(kemaskini 03.03.2024)

PERKHIDMATAN

PIAGAM PELANGGAN MAKMAL HEMATOLOGI

- ❖ Setiap pelanggan akan diberi penjelasan mengenai ujian jika perlu.
- ❖ Spesimen dikendalikan dan diuji mengikut prosedur ditetapkan.
- ❖ Ujian STAT dilakukan serta merta mengikut piawaian ditetapkan.
- ❖ Semua maklumat pelanggan adalah sulit.

PETUNJUK KUALITI

Bahagian Rutin FBC (Full Blood Count): **1 jam 30 minit**, ESR **2 jam 30 minit**, FBP (Full Blood Picture) **5 hari bekerja**.

Bahagian Koagulasi PT/aPTT, D-dimer, Fibrinogen, DIC: **2 jam**, Asai Faktor VIII & IX: **3 minggu**, Lupus Antikoagulant: **1 bulan**.
(kemaskini 01.02.2024)

Bahagian Flowsitometri Keputusan ujian boleh diperolehi dalam masa:
(Immunophenotyping) - Kes Biasa: **6 hari bekerja** Kes Rumit: **10 hari bekerja**
(kemaskini 01.09.2021) *(contoh kes rumit: additional panels, perbincangan lanjut)*

Bahagian Sumsum Tulang Laporan sumsum tulang boleh diperolehi dalam masa:
(kemaskini 01.09.2021) - Kes Biasa: **6 hari bekerja** Kes Rumit: **10 hari bekerja**
(contoh kes rumit: pewarnaan sitokimia, perbincangan lanjut, rujukan keputusan trephine/flowsitometri)
Laporan trephine sumsum tulang boleh diperolehi dalam masa:
- Kes Biasa: **10 hari bekerja** Kes Rumit: **20 hari bekerja**
(contoh kes rumit: ICH, perbincangan lanjut)

Bahagian Molekular Keputusan JAK2 & CALR boleh diperolehi dalam masa:
(kemaskini 18.06.2024) - Kes Biasa: **21 hari bekerja** Kes Rumit: **25 hari bekerja**
Keputusan Alpha & Beta Thalassemia boleh diperolehi dalam masa:
- Kes Biasa: **25 hari bekerja**
Keputusan Molekular for Leukemia boleh diperolehi dalam masa:
- Kes Biasa: **21 hari bekerja** Kes APLM: **5 hari bekerja**
Keputusan BCR-ABL1 Major Breakpoint (p210) boleh diperolehi dalam masa:
- Kes Biasa: **14 hari bekerja**

Bahagian Hemolisis Keputusan penganalisaan HBA (Hemoglobin Analisis) boleh diperolehi dalam masa tidak melebihi **10 hari bekerja (kes biasa) & 15 hari bekerja (kes rumit)**.
(kemaskini 15.08.2023)
Keputusan ujian saringan G6PD boleh diperolehi dalam masa tak lebih 8 jam.

Pemantauan TAT keputusan ujian mestilah mencapai sasaran melebihi 80 peratus.
Nota: Sila hubungi Pegawai Perubatan atas panggilan (oncall) untuk sebarang pertanyaan berkaitan ujian makmal atau berkaitan konsultasi pesakit. Pakar oncall juga boleh dihubungi mengikut jadual yang boleh diperolehi di Makmal Hematologi.

TEMPOH MASA MAKMAL (TAT) UJIAN *URGENT/SEGERA/STAT*

Nama Ujian	TAT <i>Urgent/Segera/STAT</i>
<i>Full Blood Picture (FBP)*</i>	2 jam 20 minit (<i>smear and staining</i>)
<i>Full Blood Count (FBC)</i>	30 minit
<i>Differential Count (DC) manual</i>	2 jam 15 minit
<i>Erythrocyte Sedimentation Rate (ESR)</i>	1 jam
PT/APTT	1 jam
D-dimer	1 jam
<i>Hemoglobin Electrophoresis (HbE)</i>	8 jam (waktu bekerja sahaja)
Sumsum tulang (kemaskini 01.09.2021)	Kes Biasa: 2 hari bekerja Kes Rumit: 5 hari bekerja
<i>Trephine</i> sumsum tulang (kemaskini 01.09.2021)	Kes Biasa: 5 hari bekerja Kes Rumit: 15 hari bekerja
Flowsitometri (kemaskini 01.09.2021)	Kes Biasa: 2 hari bekerja Kes Rumit: 5 hari bekerja
